

# PKS perlu bijak cari sumber pendapatan



**KUALA LUMPUR:** Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu bijak mencari peluang sumber pendapatan baharu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk kelangsungan perniagaan mereka.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, PKS juga perlu berbebanja secara berhemah selain mem-

b u a t

pembiayaan kewangan tambahan supaya mereka mempunyai kecairan dan wang simpanan mencukupi untuk menampung keseluruhan kos operasi.

“Dalam pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) Tambahan, antara yang diperkenalkan kerajaan adalah penyediaan pinjaman geran khas sebanyak RM3,000 kepada syarikat mikro. Jadi ambillah peluang ini jika masih sukar untuk mencari pendapatan pada masa ini,” katanya.

Beliau berkata, demikian dalam sesi Ruang Bicara terbitan Bernama TV bertajuk ‘Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN: Impak Kepada Golongan Sasar’ di sini, malam semalam.

Menurut Ahmed Razman, sekiranya Covid-19 dan PKP masih berlanjutan, kerajaan perlu menambah peruntukan pakej rangsangan ekonomi untuk memberi rangsangan yang lebih efektif kepada PKS.- Bernama

**AYAM BAKAQ TERLANJUR PKP LARIS...** Hari pertama berpuasa mereka menjual 50 ekor ayam bakar yang ditempah melalui aplikasi media sosial, dari sekitar bandaraya Alor Setar.

• Foto BERNAMA